

**PEMBAHAGIAN HARTA DI LUAK REMBAU: KAJIAN
MENURUT HUKUM SYARAK**

ASMAH BINTI UJANG

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1988/89**

PENGAKUAN

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

10 hb April 1989

3 hb Ramadan 1409

.....
(ASMAH BINTI UJANG)

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام
على أشرف المرسلين سيدنا محمد وعلى
آله وصحبه ومن تبع هداهم إلى يوم الدين .

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subhana Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua telah memberi taufiq dan hidayahNya kepada penulis untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini sebagai memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Dengan Kepujian bagi sesi 1988/89. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wa Sallam, keluarga dan para sahabat, serta para Syahadat yang gugur di jalan Allah.

Dengan rasa terhutang budi penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ustaz Abdul Rashid Haji Abdul Latif selaku penyelia Latihan Ilmiah ini yang telah banyak memberi bimbingan, membantu dan menunjuk ajar dari awal sehingga siapnya Latihan Ilmiah ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan untuk semua pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, khasnya pensyarah-pensyarah di Jabatan Syariah yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan, semoga segala ilmu yang telah penulis perolehi itu diberkati Allah Subhana Wa Taala. Hanya Allah jua yang berhak mengurniakan balasan ke atas mereka.

Buat emak dan abah yang tercinta, ribuan terima kasih diucapkan kerana doa dari emak dan abah, penulis telah berjaya sehingga ke peringkat ini. Doa dan harapan serta pengorbanan yang telah diberikan selama ini sangat disanjung. Segala pengorbanan dan didikan dari keduanya tetap bersemadi di sanubari penulis dan semoga kejayaan ini akan menjadi penawar segala pahit maung yang terokai dalam mendidik dan membesarkan penulis. Semoga Allah melimpahi rahmat dan kebahagiaan buat keduanya di dunia dan akhirat.

Terima kasih juga ditujukan kepada Kak Long, Abang Long, Abang Ngah, Abang Lang, Alang, Acik, Atam dan indul serta semua ahli keluarga yang telah banyak membantu penulis dari segi kewangan mahupun semangat. Tidak lupa juga buat Abang Asri dan Adik Ina yang menghulurkan pertolongan, jutaan terima kasih Ateh ucapkan dan semuanya itu akan tetap menjadi kenyataan.

Sekalung penghargaan diberikan kepada individu yang telah sudi untuk ditemu bual dan memberikan kerjasama yang telah menghulurkan bantuan secara langsung mahupun tidak langsung, budi baik kalian tetap dihargai dan hanya Allah yang dapat membalasnya kelak.

Akhirnya, untuk rakan-rakan seperjuangan dan adik-adik yang mengenali penulis, kemesraan dan kenangan bersama kalian akan tetap segar mewangi di dalam lipatan hati ini. Semoga ikatan persaudaraan dan persahabatan di antara kita akan berkekalan.

Sekian, Salam hormat untuk semua.
Wassalam.

Asmah Binti Ujang,
Kampung Paya Lebar Dalam,
71300 Rembau,
Negeri Sembilan.

K6G – 207,
Kamsis Aminuddin Baki,
Universiti Kebangsaan Malaysia ,
43600,
Selangor Darul Ehsan.

10hb April, 1989

3hb Ramadan 1409

SINOPSIS

Secara umumnya penulisan ini membincangkan tentang pembahagian harta di Luak Rembau yang berdasarkan Adat Perpatih. Seterusnya dilihat pula bagaimana pembahagian harta yang telah ditetapkan oleh syarak dan pandangan Islam terhadap pembahagian harta di dalam Adat Perpatih. Dalam bab pertama penulis menerangkan dan memperkenalkan latar belakang tempat di mana penulis membuat kajian iaitu menyentuh mengenai asal nama dan sudut sejarah serta pemerintahannya. Kemudian dikupas pula mengenai pengertian dan pembahagian adat serta kedatangan Adat perpatih di Negeri Sembilan amnya dan di Rembau khasnya. Dalam bab kedua pula penulis membincangkan mengenai konsep harta di dalam Adat Perpatih dan Islam, kemudian diterangkan pula tentang pengertian harta dan jenis-jenisnya. Dalam bab yang ketiga iaitu dalam bab yang terakhir, penulis masuk kepada tumpuan utama tajuk iaitu pembahagian harta di dalam Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Rembau serta pandangan Islam mengenainya.

PENDAHULUAN

Pengenalan

Isu mengenai masalah pembahagian harta di dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan khasnya di Rembau sering diperkatakan dan diperbincangkan oleh masyarakat umum.

Pada umumnya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pembahagian harta mengikut Adat Perpatih yang menjadi pegangan dan amalan masyarakat Rembau kini terdapat beberapa pertentangan jika dibandingkan dengan pembahagian harta di dalam Islam. Dalam suasana kebangkitan Islam dewasa ini, ramai di kalangan masyarakat Adat Perpatih itu sendiri yang telah menyedari akan pertentangan tersebut seterusnya berusaha untuk mengikis dan meninggalkan terus amalan tersebut.

Di sini perlunya masyarakat Adat Perpatih itu sendiri yang berusaha untuk mengubah dan menyesuaikan dengan mengikut hukum faraid yang telah ditentukan di dalam Islam.

Method Kajian

Untuk melengkapkan kajian ini penulis menggunakan tiga cara iaitu:

1. Kajian perpustakaan iaitu pengumpulan bahan-bahan dan kenyataan dari buku-buku dan kertas kerja-kertas kerja seminar.
2. Melalui temu bual dengan beberapa individu bagi mendapatkan bahan maklumat kajian.
3. Melihat laporan-laporan dari akhbar-akhbar dan majalah yang membincangkan mengenainya.

Tujuan Kajian

Penulis mengemukakan tajuk yang tersebut di atas dengan tujuan untuk melihat dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai Adat Perpatih di Rembau yang sering diperbincangkan oleh masyarakat umum, terutamanya yang berkaitan dengan masalah pembahagian harta., setakat mana ianya bertentangan dengan hukum Syarak seperti yang sering diperbincangkan.

Menyedari hakikat tersebut, penulis telah berusaha membuat satu kajian yang berhubung dengan masalah ini bagi mencari gambaran sebenar dan penyelesaiannya. Di samping ini juga kajian ini dibuat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam bagi sesi 1988/89.

Dalam membuat dan menyiapkan kajian ini, tidak dapat dinafikan bahawa penulis memang telah menghadapi dan berhadapan dengan berbagai masalah. Namun berkat ketabahan dan kerjasama yang dihulurkan oleh berbagai pihak, maka kajian ini telah dapat diselesaikan dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam bentuk yang ada sekarang ini.

Penulis berharap semoga kajian dari penulis ini akan memberi manfaat yang menyumbangkan sedikit sebanyak maklumat kepada pembawanya. Seterusnya penulis berharap agar masyarakat Adat Perpatih yang masih mengamalkan cara pembahagian harta yang bertentangan dengan Islam ini supaya meninggalkannya dan mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh syarak mengenainya.

SISTEM TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>		<u>Huruf Latin</u>		<u>Huruf Arab</u>		<u>Huruf Latin</u>
ا	=	a		ض	=	d
ب	=	b		ط	=	t
ت	=	t		ظ	=	z
ث	=	th		ع	=	c
ج	=	j		غ	=	gh
ح	=	h		ف	=	f
خ	=	kh		ق	=	q
د	=	d		ك	=	k
ذ	=	dh		ل	=	l
ر	=	r		م	=	n
ز	=	z		ن	=	n
س	=	s		و	=	w
ش	=	sy		ه	=	h
ص	=	s		ي	=	y

Vokal Pendek

a /
 i /
 u و

Vokal Panjang

a ا /
 I ي /
 u و و

Diftong

ay ي و/
 aw و و/

SENARAI SINGKATAN

Cet.	cetakan
Hal.	halaman
Ibid.	(ibidem) di tempat yang sama
YM	Yang Mulia
YTM	Yang Teramat Mulia
M	Masihi
H	Hijrah
Juz.	Juzu
Vol.	Volume
S.A.W	Salla Allah Alayh Wasalam
S.W.T	Subhana Wa Taala
Bil	Bilangan
t.t	Tanpa Tarikh
t.tp	Tanpa tempat
t.pt	Tanpa penerbit
Prof.	Profesor
Dr.	Doktor
MBNS	Menteri Besar Negeri Sembilan
PERMANIS	Persatuan Mahasiswa Negeri Sembilan
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

ISI KANDUNGAN

Tajuk	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	V
Pendahuluan	Vi
Sistem Transliterasi	Vii
Senarai Singkatan	Viii
Isi Kandungan	Ix

BAB I

Sejarah Rembau Dan Adat Perpatih

1.1 Sejarah Rembau	
1.1.1 : Asal Nama Rembau	1
1.1.2 : Zaman Permulaan Rembau	2
1.1.3 : Penglibatan Orang-orang Minangkabau	7
1.1.4 Kedatangan Raja Melawar	9
1.1.5 Yamtuan Muda Rembau	10
1.1.6 Pemerintahan Rembau	13
1.2 Pengertian Adat	17
1.3 Adat Perpatih	24
1.4 : Kemunculan Adat Perpatih Di Negeri Sembilan	27
1.5 : Kedatangan Adat Perpatih Di Rembau	30
1.6 : Pembahagian Adat	31
1.6.1 : Adat Yang Sebenar Adat	32
1.6.2 : Adat Yang Diadakan	34
1.6.3 : Adat Yang Teradat	35
1.6.4 : Adat Istiadat	36
1.7 : Konsep Teras Adat	37

BAB II

Konsep Harta Dalam Adat Perpatih Dalam Islam

2.1 : Konsep Harta Dalam Adat Perpatih	38
2.2 : Jenis-jenis Harta Dalam Adat Perpatih	39
2.2.1 : Harta Pusaka	40
2.2.2 : Harta Pembawa	40
2.2.3 : Harta Dapatan	49

	2.2.4 :	Harta Carian		50
2.3 :		Pandangan Adat Perpatih Terhadap Harta		51
2.4 :		Konsep Harta Dalam Islam		52
	2.4.1 :	Definisi Harta		53
2.5 :		Jenis-jenis Harta Dalam Islam		56
2.5.1 :		Harta Mathkum Dan Ghairul Mathkum		57
2.5.2 :		Harta Alih Dan Harta Tak Alih		57
2.5.3 :		Harta Mithali Dan Qimi		62
2.5.4 :		Harta Isthah Halaki Dan Isthah Mali		63

BAB III

Pembahagian Harta Menurut Adat Perpatih Dan Pandangan Islam Mengenainya

3.1 :		Sistem Perwarisan Harta Dalam Adat Perpatih		65
3.2 :		Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih		66
	3.2.1 :	Pembahagian Harta Pusaka		66
	3.2.2 :	Pembahagian Harta Carian		71
	3.2.3 :	Pembahagian Harta Perkahwinan		75
3.3 :		Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Sistem Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih		77
3.4 :		Hak Lelaki Terhadap Harta Dalam Adat Perpatih		78
3.5 :		Pandangan Islam Terhadap Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih		81

PENUTUP		93
----------------	-------	----

BIBLIOGRAFI		105
--------------------	-------	-----

Bab III

PEMBAHAGIAN HARTA MENURUT ADAT PERPATIH DAN PANDANGAN ISLAM MENGENAINYA

3.1 Sistem Perwarisan Harta Dalam Adat Perpatih

Sistem perwarisan harta di Rembau yang berlandaskan Adat Perpatih adalah berdasarkan kepada Hukum Adat pewaris iaitu kaedah-kaedah hokum yang mengatur pemindahan harta seseorang kepada ahli warisnya.¹

Untuk membolehkan harta itu diwariskan, ada tiga unsure penting yang perlu diperhatikan dan diselesaikan menurut Hukum Adat Warisan iaitu :

- i. Ada seseorang yang meninggal dunia.
- ii. Ada ahli waris dari si mati.
- iii. Ada harta peninggalan si mati.

Sistem perwarisan harta ini ialah satu peraturan mengenai perwarisan bahagian-bahagian tertentu sama ada dengan diturunkan kepada sesuatu generasi baru ataupun perasingan hak milik persendirian berlandaskan garis-garis ketetapan yang telah ditentukan dalam konteks pembahagian harta Adat Perpatih. Ianya mencakupi semua cirri kebendaan (material) dan harta tetap (harta tak alih) seperti tanah dan tanaman ya serta sebarang bentuk barangan seperti pakaian, harta benda yang boleh dipindahkan dan juga penentuan hak milik untuk menduduki sebuah rumah.

3.2. Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih.

Untuk membincangkan cara pembahagian harta di Rembau yang berlandaskan Adat perpatih ini, penulis cuba menghuraikan mengikut jenis-jenis harta dalam Adat perpatih supaya mudah untuk difahami dan dibuat perbandingan dengan system pembahagian harta di dalam Islam.

3.2.1 Pembahagian Harta Pusaka

Terdapat beberapa corak tentang pembahagian harta ini. Antaranya ialah melalui penurunan secara terus. Cara ini dilakukan jika ada keturunan perempuan pada tiap-tiap generasi dikhususkan kepada anak-anak perempuannya.

Perwarisan harta pusaka benar kepada perempuan berdasarkan kepada Kepercayaan Adat Perpatih bahawa nak perempuan lah yang meneruskan perut dan

¹ Abdullah Siddik, hal. 144

suku. Mereka juga dipandang sebagai kaum yang lemah dan perlu dijaga keselamatan dan dijamin kehidupannya.

Oleh kerana Adat Perpatih memakai sistem perwarisan kolektif, maka harta diletakkan menjadi hak suku dan bukan perseorangan. Mengenai hal ini, Taylor mengatakan :¹

- a. Semua harta adalah kepunyaan suku, bukan individu.
- b. Harta sendiri setelah diwarisi menjadi pusaka.
- c. Semua harta pusaka kepunyaan ahli suku yang perempuan.
- d. Semua harta pusaka adalah secara tegas diturunkan mengikut keturunan atau sebelah perempuan.

Jika seseorang ibu itu tidak mempunyai anak perempuan, maka yang mewarisinya ialah keluarga perempuan yang hamper, lazimnya saudara perempuan atau anak saudara perempuan. Harta itu seterusnya akan diwarisi pula oleh anak perempuan kepada pewaris tersebut.

Hubungan waris atau persaudaraan mengikut Adat Perpatih dapat dibahagikan kepada dua iaitu :

- i. Waris langsung, seperti anak.
- ii. Waris yang tidak langsung, iaitu sanak ibu jika ibunya bersaudara atau sanak nenek jika neneknya bersaudara atau sanak moyang jika moyangnya bersaudara.

Andainya tiada waris sedemikian, maka harta itu akan berpindah kepada saudara perempuan di dalam sukunya, walaupun sedara jauh. Ringkasnya yang paling berhak ialah waris yang dekat seperti adik beradik, bila tiada waris yang dekat barulah jatuh kepada waris jauh. Seperti kata perbilangan :

Bermula kepada waris sejengkal,

Kemudian waris sehasta,

Selepas itu waris sedepa.

Sekiranya waris perempuan sudah putus, tiada siapa lagi yang berhak menerima harta pusaka dari suku tersebut maka harta tersebut dipulangkan kepada Datuk Undang dan dinamakan "Pusaka Tergantung". Pusaka tersebut akan dilelong dan keutamaan akan diberikan kepada anggota-anggota suku itu sendiri sebelum

¹ E.N Taylor, "Customary Law Of Rembau", JMBRAS, 1929, hal. 9. Lihat juga Ahmad Ibrahim, Customary Law in the Malaysian Legal Content, hal. 133.

dibuka kepada orang ramai.¹ hasil dari lelongan itu akan diberikan kepada anak-anak lelaki si mati atau abang atau abang saudaranya.

Mengenai hak keutamaan ini, terdapat beberapa kes yang berkaitan antaranya :

- a. Kes Kechik v. Samsiah, dimana diputuskan bahawa keluarga terdekat mempunyai hak keutamaan membeli harta pusaka.²
- b. Kes Ijah v. Indam (Land cases 32/20) diputuskan bahawa ahli-ahli seperut mempunyai hak keutamaan membeli tanah pusaka dari ahli-ahli perut lain walaupun masih dalam satu suku.³
- c. Kes Bador Samad v. Loyok dan Ganda (D.O.R 116/28), dinyatakan bahawa hak keutamaan diberikan kepada ahli waris perempuan yang sesuku.⁴

Sistem perwarisan harta “pusaka kecil” di rembau pula sudah menyimpang dari system perwarisan Adat Perpatih yang asli tetapi telah dapat diterima oleh perkembangan Adat Perpatih oleh masyarakat rembau sebagai “adapt nan diadatkan”, iaitu anak lelaki ataupun anak perempuan berhak mewarisi harta pusaka kecil.

The Small Estate Distribution seterusnya memperuntukkan bahawa sesuatu perintah pembahagian di mana si mati adalah seorang anggota sesuku, mengenai tanah-tanah di daerah-daerah Jelebu, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin di Negeri Sembilan, pemungut hasil tanah hendaklah memakai asas-asas berikut.

- a. Jika sebidang tanah adapt nenek moyang, walaupun tidak didaftarkan maka harus diberikan kepada waris perempuan, tertakluk jika perlu pada pendudukan seumur hidup.
- b. Sebidang tanah yang dalam kenyataannya adalah harta pembawa atau dapatan, maka ia boleh dipindahkan kepada waris perempuan di sisi adapt, dari si mati, tertakluk kepada hak orang lain yang mendapat bahagian dalam cagar di atas, menurut asas untung yang dipakai dan pada pendaftaran perintah itu, pemungut hasil tanah boleh jika perlu menambahkan kata-kata, “Tanah Adat” pada setiap hak milik yang dipindah tetapi tidak ia terikat untuk berbuat demikian.
- c. Pemungut hasil tanah hendaklah mengutamakan soal pengambilan anak angkat menurut adapt jika ianya cukup bukti.
- d. Sebidang tanah yang dalam kenyataannya adalah harta carian bujang atau carian suami isteri, ia boleh dipindahkan menurut adapt Luak itu dan ketika pendaftaran perintah itu pemungut hasil tanah boleh, jika perlu

¹ E.N Taylor, hal. 33-34

² Ibid, hal. 189

³ Dr. Abdullah Sidik, penghantar Undang-undang Adat di Malaysia, hal. 152

⁴ Small Estate(Distribution) Act, 1955, Revised

menambah kata-kata “Tanah Adat” pada setiap hak milik yang dipindah tetapi ia tidak terikat untuk berbuat demikian.

- e. Dalam segala perkara hendaklah diperhatikan setiap bahagian harta yang telah dibuat atau yang telah dipersetujui oleh seseorang semasa hidupnya dan keadaan setiap harta yang di bahagian atau dipersetujui itu walaupun tidak merupakan bahagian dari harta peninggalan.
- f. Biaya kematian oleh adapt dibebankan pada harta tertentu dan pihak yang patut mendapat harta itu membayar biaya-biaya kematian sebagai satu syarat untuk mewarisi harta itu atau boleh memerintahkan jumlah biaya-biaya kematian dibayar dari harta itu.

3.2.2 Pembahagian harta Carian

Pembahagian harta carian ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu :

- a. Harta Carian Bujang

Dalam masyarakat adapt Perpatih Harta Carian Bujang ini pula dibahagikan kepada dua :

- i. Carian bujang lelaki
- ii. Carian bujang gadis.

Jika seseorang lelaki bujang meninggal dunia, dan meninggalkan harta yang dicari hasil daripada titik peluhnya sendiri, harta ini akan diturunkan kepada warisnya iaitu keluarga perempuannya yang terdekat. Contohnya adik beradik perempuan seibu seaba. Seterusnya akan diwarisi oleh anak-anak perempuan mereka.

Cara pembahagian harta peninggalan gadis yang meninggal dunia mempunyai persamaan dengan cara pembahagian harta carian bujang lelaki iaitu harta itu akan diwarisi kepada saudara perempuannya yang terdekat.

- b. Harta carian suami isteri.

Sistem pembahagian harta carian suami isteri telah ditetapkan oleh hokum adapt berdasarkan kata-kata perbilangan :

Putus belah seorang beragih

Carian bahagia,

Dapatan tinggal,

Bawaan kembali.

Putus belah seorang beragih, membawa makna perceraian mati yang berlaku di antara sepasang suami isteri. Pembahagian harta kepada waris si mati berpandukan kepada jenis harta carian itu. Kalau harta carian bujang atau janda maka harta itu hendaklah diserahkan kepada suku atau waris si mati. Biasanya orang perempuan

menjadi waris untuk menerima harta tersebut sama ada perempuan atau anak saudara perempuan si mati.

Bagi harta carian suami isteri pula, iaitu harta yang diperolehi bersama selama perkahwinan, pembahagian terpulang kepada salah seorang yang masih hidup sama ada suami atau isteri. Jika suami yang meninggal dunia harta itu akan kembali kepada isteri untuk dijaga dan begitu juga sebaliknya. Pihak yang masih hidup perlu menjaga harta tersebut untuk diwariskan kepada anak-anak mereka sama ada lelaki atau perempuan. Sekiranya suami isteri itu tidak mempunyai anak, harta-harta tersebut hendaklah dibahagikan di antara waris dan suku antara suami dan isteri. Perwarisan harta carian suami isteri ini seiring dengan kata-kata adat :

Carian bahagi,

Mati laki tinggal ke bini,

Mati bini tinggal ke laki,

Mati laki bini tinggal ke anak.

Sekiranya berlaku penceraian hidup, harta carian bujang atau janda akan dikembalikan semula kepada yang empunya. Harta carian bujang yang dipunyai oleh suami semasa bujang akan dikembalikan semula kepadanya. Begitu juga kepada harta carian bujang seorang yang berkahwin, apabila berlaku penceraian ia akan menerima semula harta yang dicari sendiri semasa gadisnya, tetapi harta carian suami isteri akan dibahagikan di antara keduanya.

Dalam pembahagian harta bersama ini adalah lebih tertakluk kepada barang-barang yang berharga dan bernilai sahaja. Ini termasuklah barang-barang kemas, lat perhiasan, perabot rumah dan lain-lain lagi. Penilaian atau ukuran terhadap harta-harta tersebut juga dilakukan demi memudahkan penyelesaian pembahagian harta itu dilakukan. Misalnya rumah yang mereka diami didirikan oleh suami isteri tanah adalah kepunyaan isteri. Maka rumah yang didiami itu dinilai harganya dengan harta carian yang lain seperti barang kemas, kereta dan sebagainya. Dengan itu kebiasaannya si isteri akan memiliki rumah tersebut dan suami memiliki kereta dan barang-barang lain yang sama nilainya dengan rumah tersebut.¹

Tetapi berdasarkan perkembangan akhir-akhir ini, maka terdapat dua keadaan di mana carian harta laki bini dibahagikan menurut ketentuan adapt yang sal dan juga berdasarkan hukum faraid. Dilihat kepada pendapat Taylor. Beliau mengatakan bahawa anak-anak lelaki dan perempuan adalah sama-sama berhak untuk mewarisi tanah getah dan harta boleh alih, mengikut persepakatan di antara mereka.²

Di sini penulis cuba membawa beberapa contoh kes-kes yang diputuskan mengikut pembahagian harta carian suami isteri diputuskan mengikut hukum adat dan hukum syarak. Dalam kes Kutai v. Taensah (n.S Civil Appeal No. 11, 1934) Tanah

¹ Temu bual dengan Dato' Mohd. Syarif Fakeh Hassan, pada 4hb. Disember 1988.

² E.N. Taylor, hal. 26-28.

dibahagikan mengikut hokum syarak, begitu juga dengan kes Imah (Rembau Distribution Suit No. 66,1936) dan beberapa kes lain berlaku keadaan yang sama.¹

Sebaliknya dalam kes Lamit (Land Case 11/36), tanah carian laki bini yang ditinggalkan si mati dibahagikan menurut hukum Adat Perpatih. Demikian juga dalam kes bagi Haji Munap (Land case 141/27) dan lain-lain.²

Di Rembau, telah diadakan mesyuarat pada 10hb Disember 1972, antara Undang dan Lembaga-lembaga Luak, di mana telah diputuskan suatu ketetapan yang dikenali sebagai “Rembau Resolution”³ yang berbunyi :

“Kepada 10.12.27”.

Bahawa dengan sesungguhnya sahaja lembaga yang di sain di bawah ini telah bermesyuarat dengan mendapat sebulat suara berkenaan dengan harta yang dinisbahkan kepada carian, semuanya itu akan dijalankan mengikut bahagian hukum syarak, tentang daripada tanah pusaka iaitu tanah O.T. yang turun-temurun di dalam suku itu tidak dapat dengan dibeli sahaja dijalankan mengikut bahagian adat Rembau sahaja.

Tandatangan 18 Lembaga,
3.12.1930.

Tandatangan Undang Rembau.

3.2.3 Pembahagian Harta Perkahwinan

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini bahawa harta perkahwinan adalah terdiri dari tiga jenis iaitu harta carian, harta pembawa dan harta dapatan. Apabila berlaku penceraian harta yang dibawa pada permulaan perkahwinan wajib diserahkan kembali kepada pihak masing-masing. Oleh itu harta pembawa dikembalikan kepada suami dan harta dapatan tetap kepunyaan isteri. Sementara harta carian laki bini dibahagikan sama di antara suami dan isteri tanpa memandangkan siapa yang bersalah dan berapa jumlah anak.

Mengenai harta perkahwinan ini dikatakan bahawa hokum syarak kurang mempunyai pengaruh di Rembau. Ia lebih dikuasai oleh Hukum Adat Perpatih.⁴ Untuk melihat apakah kenyataan ini benar-benar berlaku, akan penulis bincangkan nanti.

Pembahagian harta perkahwinan ini didasarkan kepada peraturan-peraturan adapt yang berbunyi :

Adat pertemuan dinikahkan
Habis pertemuan diceraikan
Carian bahagi

¹ Ibid, hal. 199-203.

² E.N. Taylor Interitance in Negeri Sembilan, hal. 203

³ Ibid, hal. 189

⁴ Abdullah Siddik, hal. 142

Dapatan tinggal
Pembawa kembali.

Kesimpulannya, prinsip pembahagian harta perkahwinan di dalam Adat Perpatih di Rembau ialah :

Pembawa kembali
Dapatan tinggal
Carian bahagi
Mati laki ke bini
Mati bini ke laki

3.3 Faktor Yang Mempengaruhi Sistem Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih.

Untuk melihat bagaimana susunan pembahagian harta dalam Adat Perpatih ini perlu dilihat beberapa factor yang mempengaruhi di antaranya :

1. Kaum perempuan sebagai pengasas suku dan perut. Pemberian harta pusaka yang memberi keutamaan kepada kaum perempuan dapat dikaitkan dengan keadaan semula jadi. Kaum perempuan berfungsi sebagai penerus perut atau suku dalam masyarakat Adat Perpatih. Bagi mengenang jasa kaum perempuan yang tidak terhingga, sudah sewajarnya kaum perempuan itu menjadi waris bagi harta pusaka ibu bapa.
2. Peranan wanita sebagai pelindung. Bila seseorang isteri atau perempuan meninggal dunia, anak yang masih belum dewasa biasanya dijaga dan dibesarkan oleh keluarga perempuannya yang rapat sekali pertalian kekeluargaan dengan dirinya sendiri. sekiranya si mati masih mempunyai ibu atau anak-anak yang masih kecil atau si mati meninggalkan anak-anak yang masih kecil biasanya waris-waris perempuan yang akan menjaga nak-anak si mati sehingga dewasa dan berkahwin. Dengan demikian, harta pusaka yang diberi kepada kaum perempuan dengan alasan harta itu dapat menampung perbelanjaan menyara hidup anak-anak, anak-anak saudara atau menjaga ibu bapa yang telah tua.

Peranan kaum wanita mengikut Adat Perpatih sebagai pelindung keluarga adalah lebih bertanggungjawab jika dibandingkan dengan kaum lelaki atau kaum bapa. Begitu juga jika sepasang suami isteri itu bercerai, isteri terpaksa mengambil alih tugas yang dahulunya dipikul oleh suami untuk mencari pendapatan. Jika wanita itu menjadi janda dan mempunyai harta, tentu kehidupannya kelak tidak menderita dan susah.

Berdasarkan huraian di atas, didapati bahawa susunan system pembahagian harta yang diamalkan oleh masyarakat Rembau beradat Perpatih lebih memberikan keutamaan kepada kaum wanita. Ini disebabkan factor-faktor yang difikirkan munasabah mengikut penilaian masyarakat tersebut. Malahan kaum wanita juga diberi keutamaan untuk terus tinggal di kalangan kaum keluarga di kawasan mereka sendiri. Ini menyebabkan wanita itu merasa kehidupannya akan lebih terjamin dan selamat.

3.4 Hak lelaki terhadap harta dalam Adat Perpatih

Setelah diteliti peraturan pemindahan harta dalam masyarakat Adat Perpatih, kaum lelaki tidak boleh mewarisi sebarang harta pusaka. Walau bagaimanapun mereka dibenarkan juga mengambil harta-harta yang bersifat “cenderung mata” seperti senjata keris, pakaian, di mana pengambilan begini tidak mewarisi malah berupa suatu symbol kenangan sahaja. Biarpun demikian pihak lelaki masih juga diberi hak pakai pada tanah pusaka.

Peraturan yang ketat di atas telah dilonggarkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan, di mana diputuskan bahawa anak lelaki boleh mengambil hasil harta pusaka yang tiada waris perempuan selama hayatnya.¹ Mengikut peraturan ini hanya jika seorang perempuan itu mempunyai seorang anak lelaki sahaja, jika ia menuntut bolehlah dibenarkan memakannya selama hayatnya. Apabila ia meninggal dunia maka berpindahlah harta itu ke dalam tangan sekedim perempuan sukunya. Sebagai satu ketetapan, maka pada masa menurunkan nama, sungguhpun diturunkan kepada sekedim perempuan yang harus mewarisi, tetapi nama lelaki atau anak lelaki yang tunggal itu juga dimasukkan sekali sebagai pemakan hasil.

Berdasarkan tulisan Dr. Nordin Selat mengenai hal ini, maka dengan sebab itulah lelaki bertanggungjawab membayar cukai tanah berkenaan.² Pemberian hak pakai kepada tanah pusaka ini merupakan salah satu jaminan hidup kepada kaum lelaki sekiranya mereka jatuh miskin atau berlaku perceraian dengan isterinya. Atas alasan ini kaum perempuan perlu memberi perhatian kepada nasib malang saudara sedarah sedagingnya yang lelaki kerana mereka memiliki harta pusaka. Pertalian ini pernah diibaratkan sebagai :

Cicir dipungut
Hilang dicari
Nyawa darah waris yang punya
Rugi laba isteri yang punya.

Dari huraian-huraian di atas tergambarlah suatu keadaan di mana kedudukan seseorang lelaki itu, walaupun dalam sukunya sendiri, ia tunduk di bawah kuasa saudara atau keluarga perempuannya. Jika ia mengusahakan sawah atau tanah sekalipun masih bukan miliknya yang mutlak. Jika berlaku kematian pula cari-carian bujangnya akan menjadi kepunyaan pihak perempuan warisnya.³

Oleh kerana pihak perempuan telah diberi hak istimewa mewarisi harta pusaka, maka mereka juga diimbangkan dengan tugas-tugas sampingan yang pada dasarnya mengurangkan sedikit sebanyak hak perwarisan yang mereka miliki. Antara tanggungjawab yang dipikul kepada mereka ialah hak membayar hutang – piutang lelaki bujang sekedim sama ada berbentuk pinjaman yang belum dijelaskan atau kerugian di dalam sesuatu bidang perniagaan.

¹ Customary Tenure Enactment, Bahagian 215, perkara 15

² Dr. Nordin Selat, hal. 115

³ Temu bual dengan Dato' Mohd Sharif Fakrh . Hasan 24hb September 1989

Di samping itu hendaklah kaum perempuan meluangkan tempat tinggal bagi lelaki sekedim yang belum berkahwin atau sakit dan yang telah bercerai serta beberapa tanggungjawab lain seperti yang telah penulis huraikan sebelum ini.

3.5 Pandangan Islam Terhadap Pembahagian Harta Dalam Adat Perpatih

Masalah yang paling rumit untuk mencari penyelesaian dalam Adat Perpatih ini ialah masalah yang berhubung dengan pembahagian harta pusaka. Ini disebabkan oleh satu daripada dasar adat tersebut di mana pewarisan harta melalui kaum ibu. Bentuk pembahagian harta Adat Perpatih merupakan atur acara yang mempunyai sistem dan gaya tersendiri yang memisahkannya dari suasana pembahagian harta mengikut aturan Islam.

Keadaan ini mungkin lahir lantaran ia dikira sebagai disiplin cawangan dari asas hidup masyarakat bersuku. Oleh itu setiap peraturan pembahagian harta adat ini sering kali melibatkan kepentingan masyarakat di bawah norma ragam bersuku. Lantaran itu, mereka menetapkan bahawa harta adalah dipusakai oleh kaum wanita. Keselarasan dilihat kerana pertalian anggota sesukuan atau kewujudan sesuatu suku itu di susur galurkan menerusi titian sebelah ibu. Merekalah pelahir dan penentu besar kecilnya anggota sesuatu suku. Sewajarnya menurut perhitungan adat bahawa mereka perlu diperuntukkan dengan jaringan hidup mewarisi harta pusaka sebagai saranan generasi-generasi penyambung kelahiran dan penerusan anggota-anggota suku seterusnya.

Susunan keluarga di dalam Islam pula adalah berkait rapat dengan sistem pusakanya. Sistem pusaka Islam ialah berdasarkan keluarga yang bersifat "keibubapaan"¹ yang mengakui hak bahagian anggota keluarga dari kedua garis iaitu di sebelah lelaki dan perempuan. Bererti ibu bapa, anak-anak dan saudara-saudara lelaki ataupun perempuan dari sedekat-sedekatnya sehinggalah sejauh-jauhnya yang ada pertalian darah dan perkahwinan adalah diakui hak bahagian mereka masing-masing dalam harta pusaka warisnya tanpa wujud perbezaannya.

Dengan itu sistem pusaka Islam adalah sistem yang mengakui hak-hak semua pewaris lelaki dan perempuan dari sedekat-dekat hingga sejauh-jauhnya tanpa terikat kepada suku atau beberapa waris sahaja kecuali dan sebab-sebab yang menghalang mereka dari menerima pusaka tersebut.

Sebab-sebab yang boleh menghalang ialah : ²

- i. Perhambaan
- ii. Pembunuhan
- iii. Berlainan agama
- iv. Anak luar nikah

¹ Dr. Abd. Rashid Haji. Abd. Latif, "Konsep Keadilan Hukum Pusaka Islam (Faraid)", Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan . Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, 22hb Syaaban, 1403 Hijrah , hal.3.

² Al-Iman Asy-Syafii. Muhammad bin Idris, Al-Umm, (Matbaah Al-Kuliyah Al-Azhariyyah, jilid 7, 1961), hal. 330. lihat juga Abdul Rashid Haji Abdul Latif, Hukum Pustaka Dalam Islam, (Kuala Lumpur : Penerbitan Hisbi, 1987), hal.97, 103 & 111

Warisan menurut adat perpatih adalah sekadar menguasai sahaja tetapi tidak boleh menjual kepada sesiapa kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu seperti yang diisytiharkan sebelum ini dan disepakati oleh semua keluarga dalam suku tersebut. Hanya yang boleh dikuasai ialah hasil daripada harta pusaka tersebut.

Ianya berlainan dengan waris menurut Islam. Mereka mempunyai bahagian-bahagian tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan bahagian-bahagian itu dapat dikuasai menurut hak miliknya, boleh dijual, digadai dan sebagainya tanpa halangansesiapa. Ketentuan yang jelas dalam ayat Al-Quran seperti firman Allah :

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرِّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يَوْصِيْنَ بِهَا أَوْ دِينٍ وَلَهُنَّ الرِّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثَّمَنُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يَوْصِيْنَ بِهَا أَوْ دِينٍ وَإِنْ رَجُلٌ مَوْتٌ كَلِيلَةً أَوْ امْرَأَةً وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا النِّصْفُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثَّلَاثِ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يَوْصِيْ بِهَا أَوْ دِينٍ غَيْرِ مَضَارٍ وَصِيَّةٍ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ .

1

Ertinya :

“ Dan bagi kamu (suami isteri) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka awsiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah kamu tunaikan wasiat yang diwasiatkan dan sesudah dibayar hutang kamu. Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan seibu, maka bagi tiap-tiap seseorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh simati, dan sesudah dibayar hutangnya, wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyabar.

Sehubungan dengan ayat di atas terdapat lagi beberapa ayat al-Quran yang menentukan beberapa bahagian masing-masing itu. Ayat 11, surah An-Nisa menentukan bahawa anak perempuan tunggal berhak mendapatkan setengah daripada

¹ Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat : 12.

harta tersebut memandang bahwa dialah pewaris akrab yang tunggal dan bertanggungjawab terhadap ibubapa bukanlah bertujuan merendahkan waris lelaki yang jauh.

Dengan ini jelaslah bahwa sistem pusaka Islam adalah pada hakikatnya berpandukan pada prinsip-prinsip keadilan yang bersesuaian dengan fitrah manusia dan kehendak masyarakat seluruhnya. Pengakuan dan jaminan hak masing-masing waris yang ditetapkan dalam pusaka Islam sama ada lelaki atau perempuan adalah merupakan pangkuan terhadap kedudukan dan peranan masing-masing anggota keluarga seimbang dengan hak yang ditetapkan kepadanya.

Islam telah memperkenalkan satu sistem perwarisan yang paling ideal dari segala sistem perwarisan yang terdapat di seluruh dunia. Islam memberikan pemilikan secara perseorangan dengan adil dan saksama tanpa mementingkan satu pihak sahaja sebagaimana yang terdapat dalam Adat Perpatih yang lebih memberi keutamaan kepada kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki. Ini ternyata dalam keadaan apabila tidak ada lagi waris perempuan yang terdekat maka harta tersebut beralih kepada waris perempuan yang jauh. Hal ini bertentangan dengan berbeza dengan penetapan yang telah ditentukan oleh Islam, di mana semua anak lelaki dan perempuan adalah waris orang tuanya. Walaupun jumlah pusaka antara keduanya berbanding di mana anak lelaki mendapat dua bahagian dari anak perempuan, tetapi keduanya menjadi ahli waris. Firman Allah :

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ الْإُنثَىٰ ۖ فَإِن كَانَتِ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِلْأَبَوَيْنِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا النِّصْفُ مِمَّا تَرَكَ ۖ إِن كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِن لَّمْ يَكُن لَّهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِلْأُمِّهِ الثُّلُثُ ۚ فَإِن كَانَ لَهُ أُخْوَةٌ فَلِلْأُمِّهِ النِّصْفُ مِمَّا تَرَكَ ۚ وَصِيَّةٌ يَّوْصَىٰ بِهَا ۚ وَدِينُ آبَاؤِكُمْ وَآبَاؤُكُمْ لَا تُدْرُونَ ۚ إِنَّمَا قَرَّبَ لَكُمْ فَرِيقًا ۚ مِنَ اللَّهِ ۚ إِن إِلَٰهًا كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ۝ ١

Ertinya :

“Allah perintah kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah seperdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibubapa (simati), tiap-tiap dari keduanya seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika simati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibubapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula simati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah seperenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibubapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak

¹ Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat :11.

mengetahui siapa di antara yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Keistimewaan hak wanita bukan sahaja dalam pembahagian Harta Pusaka menurut Adat Perpatih tetapi juga merangkumi masalah penjagaan anak selepas bercerai, tempat tinggal selepas berkahwin dan sebagainya seolah-olah ketua-ketua adat tidak mempercayai kemampuan anak lelaki untuk melindungi anak dan isterinya. Sedangkan Islam sendiri mengakui kelebihan kaum lelaki yang dianggap sebagai ketua pelindungi kaum wanita, khusus dalam keluarganya. Kelebihan kaum lelaki sebagai pelindung kaum wanita diakui oleh Allah dalam FirmanNya :

الرجال قوامون على النساء بما فضل الله بعضهم
على بعض وبما انفقوا من أموالهم .¹

Ertinya :

“ Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka”.

Kalau dikaji secara terperinci, sistem pembahagian harta berdasarkan hukum syarak yang memberi keutamaan kepada kaum lelaki itu mempunyai banyak kebajikannya. Pembahagian kepada waris perempuan separuh dari bahagian yang diperolehi dari kaum lelaki itu adalah kemuncak keadilan dan penuh kebijaksanaan.

Berpandukan dari ayat di atas, dapat difahamkan bahawa lelaki mendapat bahagian yang lebih dari kaum perempuan kerana lelaki sebagai pemimpin dapat dilihat dari segi tanggungjawabnya terhadap rumah tangga dalam urusan pentadbiran dan mencari nafkah untuk menjaga keluarganya. Walaupun si suami itu mempunyai isteri yang bekerja sebagaimana yang kita lihat di zaman moden sekarang, namun si suami itu wajib memberi nafkah kepadanya. Si isteri yang memiliki harta yang banyak juga tidak boleh dipaksa oleh si suami untuk membelanjakan hartanya melainkan atas kerelaan isteri sendiri. Hal ini telah dinyatakan oleh Allah dalam firmanNya :

يا أيها الذين آمنوا لا يحل لكم أن ترثوا النساء كرههن ولا تعظوهن
لتذهبوا ببعض ما آتيتموهن إلا أن يأتين بفاحشة مبينة .¹

2

Ertinya :

“wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan dan janganlah kamu menyakiti mereka (

¹ Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat 1 : 34

² Al-Quran , Surah An-Nisa, ayat 1 : 19

dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang telah kamu berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.”

Oleh itu alasan dan masalah yang diberikan oleh Adat Perpatih terhadap keistimewaan wanita di dalam pembahagian pusaka yang dikatakan memandang atas dasar fizikal perempuan itu sendiri yang lazimnya dikenali kaum yang lemah merupakan satu alasan yang kurang tepat yang bersalahan dengan perspektif Islam.

Membicarakan tentang masalah perlindungan terhadap kaum wanita, Islam telah memperuntukkan jaminan-jaminan keselamatan kehidupan kepada kaum wanita di mana Islam telah meletakkan peruntukan nafkah kepada isteri dan anak-anak ketika hidup bersama mahupun selepas bercerai. Nafkah anak-anak adalah tanggungjawab seorang bapa. Di samping itu juga dalam apa-apa keadaan terdesak biasanya saudara-saudara kedua belah pihak tetap akan memberi pertolongan terutamanya ketika berlaku perceraian sama ada perceraian hidup atau mati. Oleh itu alasan yang mengatakan bahawa kaum wanita adalah kaum yang lemah dan sewajarnya diberi kelebihan dalam pewarisan pusaka bukan merupakan faktor yang munasabah menurut Islam jika berpandukan kepada ayat sebelum ini.

Jelasnya di sini, Islam hanya menerima dan mengakui mana-mana masalah yang menyelaras kehendak Allah, sekali pun masalah tersebut merupakan satu bentuk kebajikan sama ada di kalangan keluarga sendiri mahupun masyarakat umum. Sesungguhnya Allah tidak akan mensyari^{at}kan sesuatu hukuman atau tatacara kehidupan yang mendatangkan risiko kepada makhlukNya, malahan segala yang diperturunkan adalah bersesuaian dengan naluri semula jadi makhluk itu sendiri.

Mengenai “Harta Bawaan” iaitu harta-harta yang dibawa oleh pihak suami sama ada hasil carian bujangnya atau dari bahagian harta yang diperolehi dari isteri-isteri sebelumnya, maka mengikut Adat Perpatih ianya hendaklah dikembalikan kepada warisnya iaitu keluarga perempuan yang terdekat, misalnya adik perempuan seibu sebapa. Dalam erti kata lain si isteri tidak mempunyai hak menyekat atau mengambil sebarang milik bawaan suami terdahulu.

Begitu juga terhadap “Harta Dapatan” iaitu harta-harta kepunyaan isteri sebelum berkahwin tetap menjadi milik mutlak si isteri dan akan kembali kepada keluarganya apabila berlaku kematian. Situasi ini sangat berbeza dengan peraturan Islam. Islam tidak pernah secara mutlak membezakan antara harta suami dan harta isteri secara terpisah seperti pembahagian adat di atas. Apa yang jelas ialah kematian salah satu pihak memastikan pembahagian harta masing-masing dengan wajar antara mereka yang tinggal setelah diselesaikan hutang piutang dan wasiat menurut syarat-syarat tertentu Islam sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah.

Dari segi penentuan waris yang terdekat juga menampakkan perbezaan yang nyata jika dibandingkan dengan hukum faraid. Mengikut Islam, apabila seseorang lelaki bujang atau perempuan gadis meninggal dunia maka warisnya yang paling hampir ialah kedua ibu bapanya. Cara pembahagian, jika si mati tidak mempunyai waris ibu bapanya akan mendapat harta peninggalan. Jika keduanya masih hidup cara pembahagian seperti yang telah ditetapkan oleh Al-Quran ialah ibu mendapat

sepertiga dan bapa akan mendapat bahagian yang lebih dari si ibu kerana bapa berperanan sebagai ketua di dalam rumah tangga juga sebagai pentadbir.

Berhubung kait dengan harta peninggalan suami, apabila seseorang suami itu meninggal dunia, harta itu akan diberikan kepada isterinya dan begitu juga sebaliknya yang seterusnya akan diwarisi oleh anak-anak mereka sama ada lelaki atau perempuan.

Dalam adat walaupun harta itu telah ditentukan ahli warisnya tetapi timbul pula pertanyaan di dalam fikiran kita berapakah jumlah bahagian yang sepatutnya diberikan kepada setiap waris itu. Di sini menampakkan ke tidak jelasan di dalam sistem pembahagian harta dalam Adat Perpatih itu sendiri. Situasi ini tidak berlaku di dalam Islam kerana Allah telah menetapkan dan memperuntukkan bahagian-bahagian yang tertentu kepada setiap ahli waris si mati. Mengikut syarak, suami akan mendapat satu perdua si mati. Mengikut syarak, suami akan mendapat satu persatu bahagian harta peninggalan isterinya sekiranya tidak ada anak. Jika ada anak, suami mendapat seperempat daripada apa yang ditinggalkan oleh isterinya setelah diselesaikan wasiat dan hutangnya. Bagi isteri pula, apabila suaminya meninggal dunia ia akan mendapat seperempat sekiranya tidak ada anak. Jika ada anak isteri akan mendapat seperlapan setelah diselesaikan wasiat dan hutang-hutangnya.

3.6 Keadilan Sistem Pusaka Di Dalam Islam

Islam sebagai agama yang syumul dan membawa kebaikan kepada seluruh umatnya dengan tegas menolak konsep pembahagian yang tidak adil dan tidak sesuai dengan membawa konsep yang hak iaitu benar, adil dan bertanggungjawab. Ianya telah menetapkan bahawa lelaki dan perempuan dari setiap lapisan susunan keluarga, sama ada keluarga garis ke bawah atau terdiri dari anak cucu serendah-rendahnya atau keluarga garis ke atas yang terdiri dari ibu bapa setinggi-tingginya atau keluarga waris ke samping yang terdiri dari saudara-saudara, anak saudara dan anak-anak bapa saudara serendah-rendahnya dan ke atas setinggi-tingginya adalah diakui hak bahagian mereka dalam harta peninggalan warisnya.

Dengan ini sistem pembahagian harta pusaka Islam memperteguhkan dan memperluaskan hubungan persaudaraan dengan mencakupi keseluruhan yang ada pertalian dan perkahwinan ke dalam rangkaian hak-hak dan jaminan bahagian dari harta peninggalan.

Meskipun kaum lelaki akan mendapat bahagian yang lebih besar dari kaum perempuan, ini bukan bermakna sistem pembahagian harta Islam itu tidak adil. Setiap ketentuan yang dibuat oleh Allah mempunyai hikmat dan kelebihan yang tersendiri. Allah memperuntukkan lelaki mendapat dua dari bahagian bersesuaian dengan kaum lelaki itu sebagai ketua dan pemimpin kepada kaum perempuan.

Pembahagian harta pusaka peninggalan si mati kepada waris yang masih hidup mempunyai beberapa faedah dan kebaikannya. Faedah yang paling nyata ialah agar harta yang ditinggalkan itu mendapat penjagaan dan pengendalian yang sebaiknya dari waris yang berhak. Dari sudut yang lain pula, kematian seseorang itu dapat kita terima dan kita hadapi dengan ketabahan kerana kehilangannya dari kehidupan kita bukanlah bermakna mereka yang tinggal itu akan kehilangan segala-galanya lebih lagi jika si mati menjadi tempat pergantungan seluruh ahli keluarganya.

Penutup

Manusia yang terdiri dari berbagai kelompok masyarakat yang mempunyai kebudayaan yang berasingan menyebabkan lahirnya pula berbagai bentuk peradaban yang berbeza di antara masyarakat-masyarakat itu. Tidak terkecuali juga bagi masyarakat pengamal Adat Perpatih di Rembau mempunyai adat tersendiri yang berbeza dari masyarakat lainnya.

Adat merupakan amalan umu. Ia disusun berdasarkan suasana dan keperluan masyarakat setempat, mengatur cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Adat Perpatih yang dikatakan mempunyai sifat unik yang tidak terdapat di dalam mana-mana adat seperti Adat Temenggung dan adat lainnya. Mengatur cara perhubungan antara anggota masyarakat hingga melahirkan satu hukum keluarga yang meliputi corak dan struktur kehidupan masyarakat pengamalnya.

Bagi masyarakat Adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia. Adat merupakan satu sistem pengawalan sosial untuk memberi kebaikan dan faedah bersama bagi seluruh masyarakatnya, seirama dengan kata-kata perbilangan adat.

“Adat menimbulkan yang baik, menghilangkan yang buruk.”

Keturunan di susur galurkan, dikumpul kepada kumpulan-kumpulan tertentu dan membentuk beberapa buah suku. Lalu dengan itu tegaklah sebuah masyarakat adat yang memiliki norma-norma tersendiri dengan dasar-dasar dan konsep-konsep yang cube memelihara sistem kesukuan itu.

Adat Perpatih masih lagi berjalan dengan berkuatkuasa di Negeri Sembilan terutama di Rembau. Meskipun adat di dalam beberapa aspek ternyata bertentangan dengan agama Islam tetapi adat ini masih lagi diamalkan oleh masyarakatnya. Meskipun penganut Adat Perpatih di Rembau beragama Islam tetapi kepercayaan mereka kepada Islam tidak berupaya mengikis terus pegangan mereka terhadap adat yang telah sekian lama mereka amalkan. Bagi mereka adat ini mempunyai matlamat yang amat murni bagi membentuk norma hidup penganutnya ke arah satu peradaban luhur yang tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan. Mereka lebih menekankan kebaikan dan keharmonian hubungan kekeluargaan.

Sistem Adat Perpatih yang diamalkan terutamanya di dalam soal pembahagian pusaka yang dilakukan di Rembau hingga sekarang ini ialah memberi kepentingan dan keutamaan kepada kaum perempuan tanpa menghiraukan kehendak syariat Islam yang mengatakan bahawa anak lelaki juga adalah waris yang wajib mendapat pusaka malah melebihi kaum perempuan.

Lebih jauh dari itu Islam telah menempatkan kaum lelaki sebagai pelindung kaum wanita, tempat bergantung si isteri dan anak-anak dari segi makan minum, pakaian, tempat tinggal, pelajaran dan apa jua yang berkaitan dengan hal ehwal rumah tangga mereka adalah terpikul di atas tanggungjawab si suami. Manakala isteri atau kaum wanita khususnya hanya bersifat menerima dan memelihara harta milik mereka dengan tidak perlu membelanjakannya kerana ini adalah urusan suami sebagai ketua di dalam rumah tangga.

Tanggungjawab seseorang lelaki bukan sahaja wujud setelah berkahwin, malah lebih awal iaitu apabila seseorang lelaki itu hendak berkahwin wajib memberi mahar (mas kahwin) kepada isterinya mengikut jumlah yang telah ditetapkan oleh Majlis agama di tiap-tiap negeri. Bermakna tanggungjawab seorang lelaki itu bermula bukan sahaja semasa ia bujang, tetapi juga setelah berumah tangga sehingga mempunyai anak-anak.

Pada setiap tahun Islam mewajibkan umatnya lelaki dan perempuan untuk mengeluarkan zakat. Di sini, kaum lelaki dibebankan dengan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat bukan sahaja untuk dirinya tetapi juga untuk isteri dan anak-anaknya yang di bawah jagaannya.

Kelebihan yang telah diberikan oleh Allah kepada kaum lelaki daripada perempuan dalam beberapa hal ialah dari segi kekuatan fizikal, keberanian, keteguhan hati, ketetapan dan sebagainya. Di sinilah letaknya hikmat Allah memberi kelebihan kepada lelaki dalam pembahagian harta pusaka kerana memandangkan tugas dan tanggungjawabnya yang berat terhadap keluarganya.

Walaupun pada dasarnya hak perwarisan yang diberikan hanya wujud dalam erti “mewarisi atau memiliki” secara mutlak asas-asas harta milik seluruh anggota suku namun keistimewaan sebelah pihak perempuan dan mengenyepikan kepentingan pihak lelaki sudah tentu tidak dapat lagi mengimbangi tuntutan Islam. Tidak sewajarnya mereka terasing kerana mereka juga mempunyai hak menerima bahagian sebagai anak dan sebagai anggota keluarga.

Alasan yang diberikan oleh tokoh-tokoh adat dan kebanyakan daripada anggota masyarakat Adat Perpatih ialah untuk memberi jaminan kehidupan kepada keturunan (adik-beradik) perempuan mereka. Ketetapan adat ini ternyata bertentangan dengan hukum Syarak itu sendiri.

Peranan wanita sebagai bentuk ahli-ahli masyarakat di mana asasnya ialah pengembang zuriat di antara pasangan suami-isteri, memang diakui umum. Tetapi adakah peranan dari segi itu maka wanita itu sewajarnya memiliki harta pusaka? Pada pandangan penulis dengan hanya mempunyai hak milik terhadap harta pusaka ia masih belum dapat menjamin kehidupan seseorang wanita di dalam masyarakat beradat perpatih.

Tidak dapat dinafikan bahawa sistem pembahagian harta di dalam Adat Perpatih yang mengutamakan kaum perempuan mempunyai beberapa kebaikannya tetapi setakat manakah kebaikan hukum yang digubal atau yang diaturkan oleh manusia itu dapat menandingi kebaikan hukum yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.?

Jika dinilai dari segi sumber, maka antara adat dan syarak adalah sangat jauh perbezaannya. Adat lahir dari hasil pemikiran dan usaha penyusunan manusia. Walaupun ianya suatu undang-undang yang tidak bertulis tetapi menjadi amalan dalam hidup masyarakat. Anggota-anggota masyarakat yang melanggar peraturan adat dianggap sebagai tidak beradat dan dihukum. Syarak adalah datang dari wahyu, kumpulan undang-undang Allah yang diturunkan kepada Rasulnya untuk keselamatan seluruh makhluk. Mengikat setiap diri muslim dan Muslimat supaya mematuhi dan akan dikenakan balasan bagi mereka yang mengingkarinya.

Oleh kerana kemunculan adat itu lebih awal dari syarak maka dapat dilihat beberapa perbezaan di antara amalan adat dan kehendak syarak. Dengan itu tidak hairanlah bila Islam menjadi anutan masyarakat adat, dijalankan berbagai usaha untuk mengubahsuaikan beberapa peruntukan adat dengan tuntutan-tuntutan syarak. Ini mungkin lahir dari kecantikan terhadap agama Islam yang suci dan mungkin juga kerana semata-mata mahu mempertahankan agar adat terus diamalkan.

Pada pandangan penulis, hasil perwarisan secara adat ini tidak kurang melahirkan gejala-gejala sampingan lainnya yang turut juga tidak menyelaraskan syariat Islam. Umpamanya peruntukan Adat yang menetapkan bahawa ketiadaan anal-anak perempuan di satu-satu keluarga untuk menerima perwarisan harta pusaka memastikan harta itu berpindah atau menjadi hak kepada pewaris-pewaris lain dalam suku mengikut ketetapan adat.

Ini menyebabkan berlakunya perpindahan hak dan penerima sebenar kepada perempuan yang tidak berhak mendapatnya semata-mata diberikan kerana memandangkan mereka adalah juga salah seorang anggota suku dan berhak menerima pada Adat sedangkan pihak lelaki tetap tersisih dari generasi perwarisan keluarga mereka.

Sungguhpun fenomena yang sebegini rupa sudah begitu lumrah untuk diterima dan diakui oleh kaum lelaki, namun penulis merasakan ketidakseimbangan yang berlaku memungkinkan anak-anak lelaki merasa begitu kecewa dan implikasinya boleh mencetus rasa kecil hati dan boleh merenggangkan ikatan persaudaraan dan kekeluargaan sesama ahli keluarga. Tidak mustahil di suatu hari nanti kan lahir generasi yang menuntut hak-hak mereka berdasarkan syariat Islam yang begitu ideal dan sempurna.

Waris lelaki dalam keadaan terdesak kalau mahu boleh mendapatkan “hak pakai” pada tanah pusaka. Hak pakai tersebut akan berbalik semula kepada anggota perempuan yang berkenaan. Kadang-kadang tanah ini dirujuk juga sebagai “nama belakang geran”. Nama hadapan geran iaitu hak punya yang rasmi ialah nama perempuan. Nama lelaki hanya ditulis di belakang geran itu sahaja. Si lelaki ini bertanggungjawab membayar cukai tanah ini.

Selain dari keadaan terdesak, hak pakai seumur hidup biasanya diberi jika waris perempuan tidak ada. Ia diberi pada anak lelaki atau saudara lelaki si mati dan si antara kedua orang ini keutamaan diberikan kepada anak lelaki. Tetapi perkara ini jarang berlaku dan umumnya anggota-anggota begini jarang tinggal atau mengerjakan tanah itu. Pemberian hak pakai lebih merupakan jaminan hidup kepada orang lelaki. Sekiranya ia jatuh miskin atau bercerai dengan isterinya dan tiada tempat bergantung nasib.

Meskipun adat memberi peruntukan untuk anak-anak lelaki mengambil hasil daripada harta pusaka di atas namun mereka masih terikat untuk bertindak lebih jauh dari itu dan mungkin juga merasa agak malu berbuat demikian lebih-lebih lagi setelah mereka beristeri dan mempunyai anak-anak sedangkan pada hakikatnya ia tetap berhak dari kaca mata Islam.

Mengikut pandangan masyarakat Adat Perpatih kaum wanita merupakan kaum yang lemah dibandingkan dengan kaum lelaki. Oleh itu, sewajarnya ia diberikan keutamaan untuk memiliki harta pusaka. Jangkaan adat ini yang kononnya untuk melahirkan rasa toleransi di kalangan masyarakatnya, memandangkan kaum wanita ini kurang upaya menyara hidup sendiri lantas memperuntukkan keistimewaan di atas, sebenarnya bukanlah pada tempatnya. Sekalipun tujuan murni tetapi bergerak di luar landasan Islam. Kelemahan kaum wanita dalam beberapa hal dibandingkan dengan orang lelaki memang telah diakui oleh Allah Yang Maha Esa, di dalam Firmannya seperti yang telah penulis berikan sebelum ini.

Mengenai soal kerelaan yang ditimbulkan oleh masyarakat Adat Perpatih di Rembau khususnya mengatakan bahawa wujudnya Adat Perpatih ini adalah di atas persefahaman di antara adik-beradik lelaki dan perempuan. Jadi, telah merelakan harta tersebut diturunkan kepada perempuan dan ini dikatakan tidak lagi bertentangan dengan Islam.

Dalam hal ini penulis berpendapat, soal kerelaan sebenarnya tidak timbul dalam Adat Perpatih. Apa yang penulis faham, prinsip pembahagian harta ini adalah asas, sama ada lelaki memberi kerelaan atau tidak harta tetap kepada perempuan. Menurut Islam kerelaan tidak boleh hanya dengan disifatkan begitu sahaja atau hanya kata mulut dari lelaki tanpa memperhitungkan pembahagian di sisi Islam terlebih dahulu, kerana yang penting dalam hukum Allah ini ialah hak pemilikan individu terlebih dahulu. Selepas ditentukan hak ini, maka terserah lah kepada saudara lelaki sama ada merelakan harta ini diberi kepada saudara perempuan atau tidak. Kerelaan yang seperti inilah yang diakui sah dalam Islam.

Di samping itu dikatakan bahawa pembahagian mengikut adat boleh diterima berdasarkan konsep pemberian atau “hibah” dari nenek moyang kepada keturunan perempuan. Bagi pandangan penulis, alasan ini sebenarnya hanyalah diada-adakan sahaja, kerana kalau diteliti keseluruhan sistem perwarisan adat jelas sekali memberatkan keselamatan dan perlindungan kaum perempuan mengatasi kepentingan-kepentingan lain. Iaitu berkait rapat dengan anggapan tinggi yang diberi oleh adat kepada mereka lantaran peranan meneruskan keturunan dan suku.

Hakikatnya, walau apa pun alasan yang diberikan, suatu fakta sejarah harus disedari bahawa ada ini adalah lahir dari pemikiran penyusunan-penyusunan Hindu, di suatu zaman yang belum lagi mengenal Islam, apa lagi untuk mengenal konsep hibah, wakaf dan sebagainya. Apa yang ketara ialah kerana dorongan rasa ihsan yang berlebihan kepada golongan yang lemah yang dirasakan sangat perlu diberi pembelaan.

Mengenai harta sepencarian suami isteri, satu masalah akan timbul jika dikaitkan dengan keadaan zaman moden ini apabila hanya suami sahaja yang bekerja dan tugas memberi nafkah dan mengumpulkan harta terletak di bahu suami sahaja sedangkan isteri hanya bekerja menguruskan rumah tangga dan membela anak-anak. Sekiranya berlaku perceraian bagaimanakah corak asas “cari bahagi, dapatkan tunggal, pembawa kembali”, dapat dilaksanakan ?. Hal ini patut difikirkan oleh masyarakat Adat Perpatih itu sendiri. Sekiranya perkara ini berlaku sudah tentu ianya merupakan satu kezaliman ke atas kaum wanita yang tidak bekerja, kerana tiada harta sepencarian untuk dibahagikan bersama.

Penulis merasakan jika seseorang muslim itu telah mengakui wujudnya perkara yang berlawanan dengan hukum yang telah ditetapkan Allah maka di situ tidak ada lagi kebaikan, sebaliknya ia adalah keburukan yang nyata. Sekiranya sudah terang perkara itu berlawanan dengan prinsip yang telah digariskan oleh Allah dalam kitab suci al-Quran yang kedudukannya lebih tinggi daripada perkembangan sesebuah negara, kerana perlembagaan masih boleh diubah dan dipinda sedangkan kitabullah tetap tanpa mengira keadaan, suasana, masa dan zaman, maka wajiblah ia (adat) memerlukan perubahan. Bagi pendapat penulis, yang penting bukanlah keaslian atau keruntuhan tahan ujinya adat tersebut tetapi ialah kebenaran dan kebaikan di sisi Allah dan Rasul-Nya.

Walaupun begitu tidak semua yang terkandung di dalam Adat Perpatih ini bertentangan dengan nas syarak dan hukum Islam. Penulis tidak menafikan adanya kebaikan ini terutama sekali dalam hal-hal yang berhubung dengan kekeluargaan dan kemasyarakatan. Jika dilihat pada perkembangan-perkembangan akhir yang berlaku di Rembau, maka kecenderungan untuk kembali kepada syarak telah wujud di kalangan ahli-ahli masyarakat, walaupun ketetapan adat sendiri berlainan. Ini mungkin kerana wujudnya keinsafan terhadap kewajipan mentaati perintah agama Allah itu lebih utama dari segala-galanya.

Seperti mana yang diperkatakan di bahagian awal penulisan bahawa satu cir yang ada pada adat ialah menerima perubahan, sesuai dengan peredaran masa pertukaran suasana dan keperluan masyarakatnya.

Adat tidak dapat menentang zaman. Kemajuan-kemajuan yang akan datang lambat laun akan menelan rawatannya. Oleh kerana dunia adat sudah terdedah kepada segala bentuk kemajuan, anggota-anggota juga telah banyak mengenal dunia luar. Oleh itu Adat Perpatih di hari telah melalui zaman-zaman perubahannya dengan pesat dan tidak menjadi norma-norma yang teguh terutamanya di kalangan masyarakat yang terlibat "Geographical Mobility".

Jika diteliti sedalam-dalamnya dapat dibuat kesimpulan bahawa identity Adat Perpatih yang mempunyai beberapa cirri tersendiri tidak dapat mengatasi masalah di zaman moden ini. Oleh yang demikian satu sistem pembahagian harta mengikut lunas-lunas keislaman semestinya diterapkan kepada seluruh masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih.

Kesimpulannya, dari keseluruhan perbincangan yang telah dipaparkan menunjukkan bahawa Adat Perpatih di dalam menyusun kanun dan hukum bermasyarakat serta berkeluarga adalah berdasarkan keperluan dan kebaikan masyarakatnya. Sebenarnya Islam sewaktu menyusun kanun dan hukum bermasyarakat serta berkeluarga sememangnya menitikberatkan keperluan dan kebaikan masyarakat.

Ringkasnya di sini, lantaran sistem pusaka Islam menekankan keseimbangan, baik hak milik mahupun antara hak dan tanggungjawab di kalangan keluarga, maka peninggalan seseorang itu tidak dibezakan antara apa yang dikatakan harta sebenar dan harta perseorangan (harta sendiri) atau harta yang dimiliki turun-temurun dan harta yang diperolehi dari usahanya sendiri.

Jelasnya bahawa sistem harta pusaka Islam juga bertujuan mewujudkan sebuah keluarga dan masyarakat yang rukun dan tanggungjawab hingga setiap anggota keluarga menikmati ikatan persaudaraan dan semangat kerjasama baik antara anggota keluarga mahupun masyarakat luar amnya. Jadi, pada hemat penulis, adat yang berlawanan dengan peraturan Islam dalam perkara pembahagian harta harus diketepikan. Peribahasa adat yang mengatakan bahawa “ Adat bersendikan syarak dan syarak bersendikan kitabullah” itu, hendaklah benar-benar praktikal, bukannya sebutan di bibir sahaja atau hanya kerana ingin atau hanya ingin mengaburi fakta sebenarnya yang dikandung oleh adat.

Bibliografi

Al-Quran dan terjemahan, Bahagian Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur :1983 M.

Al-Syafik I, Muhammad bin Idris. Al-Umm. Matbakah al-kulliyah al-Azhariyah, 1961, jilid 7.

Mohd Yusof Musa. Al-Fiqh al-Islami, cetakan ketiga. Kaherah : 1958.

Al-Zunaili, Dr. Wahbah. Al-Fiqh al-Islam Wa Adillatuhu al-Nazaraiat Al-Fiqhiah Wal Uqud, Dar al-Fikr:

Al-Usul al-Ammah Li Wihdan al-Din al-Haq. Damsyiq : al-Maktabah al-Abbasiyah, 1972.

Buku-buku Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

Abbas haji Ali. Rembau Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya. Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953.

Anwar Ahmad Qadri. Islamic Jurisprudence in The Modern Wold, Second Revised Editor. Pakistan : S.H Muhammad Ashraf Kasmin Bazar Lahore, 1973.

Abdul Sanad Idris. Negeri Sembilan Dan Sejarahnya. Kuala Lumpur : Penerbit Utusan Melayu, 1968.

. Hubungan Negeri Minangkabau Dan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Kebudayaan. Seremban : Pustaka Asas Negeri, 1970.

Abdullah Siddik . Penghantar Undang-undang Adat Di Malaysia, Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 1975.

Abdul Rahman Haji Muhammad. Dasar-dasar Adat Perpatih Kuala Lumpur : Penerbit Pustaka Antara, 1964.

Abdul Rahim. The Principle Of Muhammad And Jurisprudence Pakistan : Law Publishing Campony, t.t.

Abdul Rashid Haji Abdul Latif. Hukum Pustaka Islam. Kuala Lumpur : Penerbitan Hizbi, 1987.

Buyong Adil. Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.

Gibb And Kramers, H.A.R. Shorten Encyclopedia Of Islami. Liedin : Brill, 1961.

Mohd. Ridzuan Awang. Konsep Undang-undang Tanah Islam.Pendekatan Perbandingan. Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah, 1987.

Rana. M.S Comparative Jurisprudence, Pakistan : Law Publishing Company, Katchery Road, Lahore, t.t

Shellabear, W.G. Sejarah Melayu (Edisi Baru). Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1967.

Nordin Selat . Sistem Sosial Adat Perpatih, Kuala Lumpur : Utusan Publication And Distribution Sdn. Bhd. 1975.

Winsted, R.O. Negeri Sembilan (The History, Polity And Belief Of The State). T. tp dan t.t

Kertas Kerja Seminar

Abdul Rashid Haji Abdul Latif “Konsep Keadilan Hukum Pusaka (Faraid)”. Seminar Peringkat Kebangsaan. Anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, di UKM pada 22hb-23hb Syaaban, 1403 H.

Abdul Samad Idris, “Secebis Mengenai Adat Perpatih : Nilai Dan Falsafah”. Kertas Kerja Seminar. Anjuran PERMANIS di UKM pada 17hb. -18hb. September 1988.

_____.”Kemurnian Dalam Adat-Adat Perpatih”. Anjuran MBNS di Seremban pada 9hb.-12hb. April .1974.

Idris Haji Tain. “Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan”. Kertas kerja Seminar Dan Persejarahan Adat Perpatih. Anjuran MBNS di Seremban pada 9hb. -12hb April .1974.

Mansor Haji Jamaluddin. “Konsep Harta Dalam Sistem Adat Perpatih”. Kertas kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Anjuran MBNS di Seremban pada 9hb-12hb. April 1974.

Norhalim Haji Ibrahim. “Etika Dan Estetika Di Dalam Adat Perpatih”. Kertas kerja Seminar. Anjuran PERMANIS di U.K.M pada 17hb.-18hb. September 1988.

Rais Yatim. “Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law & Equity (Satu Analisa Perbandingan)”. Kertas kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih. Anjuran MBNS Di Seremban pada 9hb.-12hb .April 1974.

Ramli bin Ibrahim.” Seimbans Lalu Berkenaan Persejarahan Dan Adat Perpatih Masa Kini”, Kertas kerja Seminar. Anjuran PERMANIS DI U.K.M pada 17hb, - 18. September 1988.

Majalah, Akhbar Dan Journal

Ahmad Ibrahim. Islam Customary Law Of Malaysia. Intisari, Vol. ii. No.2.

Customary Tenura Enactment, Bahagian 215, Perkara 15

Encyclopedia Britannica, Vol. 6,Great Britain, 1974.

Muhammad Din Bin Ali. Malay Customary Law. Intisari, Vol. vii. No.2, 1968.

Muhammad Sharif Fakeh. Tanah Pusaka Adat Di Negeri Sembilan Sepintas Lalu.

Warisan, Journal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Taylor, E.N. Customary Law Of Rembau. JMBRS. .VOL. vii. 1929.

.....Inheritance in Negeri Sembilan 1929.

..... Di Dalam Buku Hookers, Reading In Malay Adat Law's.

Wilkinson. R.J. Malay Law. Diedit oleh M.B. Hooker.

Winsted, R.O. Old Malay Legal Digest And Malay Customary Law. JMBRAS. London : t.tp.1945.

Small Estate (Distribution) Act. 1955, Revised 1972, Act. 98. Perkara 20 (1) & 24.

Temu Bual

Dato' Mohd Syarif Fakeh Hassan. Ketua Adat Di Rembau, pada 24hb. September 1988.

YM. Dato' Shah bandar Dato' Haji Alyas Wahid. Setiausaha YTM. Undang Luak Rembau pada 24hb. September 1988.